



# PENDEKATAN KONTEKSTUAL: MANFAAT UNTUK DUNIA PEKERJAAN

**HURAIAN** sukatan pelajaran Bahasa Melayu menyatakan bahawa pembelajaran secara kontekstual menjadi satu kemahiran bernilai tambah terhadap pengisian kurikulum. Pendekatan ini memberikan pengalaman kepada pelajar dalam dunia pekerjaan dan amalan pergaulan dalam masyarakat.

DALAM konteks pembelajaran bahasa, maklumat dan kemahiran itu haruslah berkaitan dengan kemahiran berbahasa, iaitu membaca, mendengar, bertutur dan menulis.

Pendekatan pembelajaran secara kontekstual ini sesuai dengan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) kerana pelajar belajar melalui pengalaman penglibatan peribadi dalam aktiviti melakukan sendiri dan berfikir sendiri serta penemuan sendiri. Kandungan pelajaran melibatkan konsep yang ada hubungan dengan pelajar. Pembelajaran dilaksanakan melalui komunikasi interpersonal dalam kumpulan, berkongsi maklumat, saling membantu dalam kumpulan dan memberikan maklum balas yang positif. Guru hanya berfungsi sebagai pembimbing dan pemudah cara dalam pembelajaran tersebut.

Keberkesanan pendekatan pembelajaran ini bergantung pada pemilihan bidang ilmu yang konkrit atau mempunyai hubungan secara langsung dengan kehidupan harian mereka.

Sesetengah pelajar tidak mengetahui tujuan mereka belajar sesuatu perkara di sekolah. Hal ini menyebabkan mereka bosan dan tidak menghayati aktiviti itu. Terutama pelajar kumpulan sederhana yang lebih berminat untuk bekerja atau meminati bidang vokasional. Pengajaran dan pembelajaran yang dikaitkan secara langsung dengan kehidupan harian dan pekerjaan akan menarik minat kumpulan pelajar tersebut.

Pendekatan kontekstual juga dianggap rasional kerana mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan amali untuk membangkitkan minat dan mengembangkan bakat. Bidang pekerjaan yang diceburi kerana minat lebih menjanjikan kejayaan berbanding dengan pendekatan konvensional. Pendekatan konvensional memberikan pelbagai pengetahuan kepada pelajar dan memerlukan tunjuk ajar serta arahan apabila berada di alam pekerjaan. Mereka mengambil masa untuk menyesuaikan diri

dengan bidang pekerjaan baharu. Mereka kurang kreatif mengaitkan pengetahuan di sekolah dengan bidang pekerjaan yang baru diceburi.

Pembelajaran membaca buku dan mendengar ceramah merupakan satu aktiviti untuk mencari maklumat. Kedua-dua aktiviti ini mempunyai matlamat yang sama, tetapi menggunakan kaedah pembelajaran yang berbeza. Sesetengah pelajar suka membaca dan sesetengahnya pula suka mendengar ceramah. Dengan pendekatan kontekstual, membaca buku dan mendengar ceramah akan menjadi amalan pelajar dalam masyarakat dan bidang pekerjaan.

Pelajar sudah memiliki pengetahuan dan kemahiran membaca sedia ada. Guru boleh mengadakan aktiviti teknik membaca secara berkesan dengan teknik membaca secara cepat atau teknik membaca secara lambat.

Teknik membaca secara cepat adalah dengan membaca sama ada secara luncuran ataupun membaca secara

imbasan. Teknik luncuran ialah membaca untuk mencari maklumat ringkas dan pantas. Pelajar membaca dengan memberikan tumpuan terhadap pendahuluan, tajuk penting, dan rumusan dalam buku. Sementara teknik imbasan ialah membaca dengan memberikan tumpuan terhadap maklumat yang diperlukan daripada tajuk atau bahagian tertentu.

Teknik membaca secara lambat pula bertujuan untuk membuat analisis bahan bacaan supaya lebih faham dan dapat menilai bahan berkenaan. Membaca secara lambat biasanya menggunakan teknik KWLH (*Know Want Learned How*). Apabila membaca, pelajar seharusnya memberikan tumpuan untuk mencari maklumat daripada buku itu. *Know* – maklumat yang sudah diketahui sebelum membaca. *Want* – maklumat yang hendak diketahui dengan membaca bahan itu. *Learned* – maklumat yang dapat kita pelajari dengan membaca bahan itu. *How* – bagaimana kita boleh mendapat maklumat tambahan tentang perkara itu. Tegasnya, pelajar perlu mempunyai jadual peta minda tentang maklumat tersebut apabila membaca. Pelajar akan menjadi pembaca yang kritis.

Dengan memberikan kemahiran ini, pelajar akan dapat menggunakannya dalam kehidupan dan pekerjaan apabila ditugaskan untuk membuat kajian di perpustakaan yang perlu banyak membaca buku. Kaedah membaca sedemikian digunakan oleh para ilmuwan, pensyarah, serta guru untuk menambahkan maklumat yang diperlukan dalam tugas.

Demikian juga halnya dengan aktiviti mendengar ceramah atau syarahan, pelajar perlu diberikan aktiviti mencatat isi penting, melakar peta minda, dan membina soalan daripada maklumat yang didengar. Pelajar boleh mengemukakan soalan kepada penceramah jika diberikan peluang atau mencari maklumat lanjutan daripada sumber lain selepas mendengar ceramah.

Aktiviti ini berguna dalam kehidupan dan pekerjaan pelajar seperti dalam kuliah atau mesyuarat yang perlu membuat catatan penting. Dengan mengaitkan aktiviti pembelajaran ini kepada situasi dalam masyarakat dan pekerjaan akan memberikan motivasi kepada pelajar untuk membaca dan mendengar ceramah dengan bersungguh-sungguh. Tegasnya, mereka tidak pasif semasa mendengar ceramah atau kuliah sehingga mengundang kebosanan.

Membaca secara lambat biasanya menggunakan teknik KWLH (*Know Want Learned How*).  
Apabila membaca, pelajar seharusnya memberikan tumpuan untuk mencari maklumat daripada buku itu.

Bertutur juga kemahiran berbahasa yang memerlukan pendekatan kontekstual. Pelajar perlu menguasai kemahiran bertutur untuk berkomunikasi dalam masyarakat. Banyak juga bidang kerjaya yang memerlukan kemahiran bertutur. Huraian sukatan pelajar mencadangkan pembelajaran perbualan dalam situasi jual beli serta membuat ulasan selari. Aktiviti ini mempunyai kaitan dengan bidang perniagaan, bidang komunikasi, seperti pengacara majlis, pembaca berita, pensyarah, penceramah dan pendakwah. Kemahiran bertutur juga diperlukan untuk menghadapi temu duga. Oleh itu, pembelajaran yang menggunakan pendekatan kontekstual berkaitan dengan kerjaya serta hubungan dengan masyarakat serta memerlukan kemahiran bertutur seharusnya banyak didedahkan kepada pelajar.

Pembelajaran kemahiran menulis juga wajar menggunakan pendekatan kontekstual. Kemahiran menulis banyak diperlukan dalam kehidupan harian dan bidang pekerjaan. Andai meminati pekerjaan makan gaji, seharusnya pelajar mempunyai kemahiran menulis resume untuk melengkapkan borang permohonan. Begitu juga, jika ingin berniaga dan memerlukan pinjaman, perlu berkemahiran menulis kertas kerja. Dalam kehidupan bermasyarakat, jika terlibat dengan persatuan dan memegang jawatan setiausaha, perlu mempunyai kemahiran menulis minit mesyuarat. Bidang

kesetiausahaan antara profesion yang penting dalam masyarakat hari ini.

Guru juga boleh melibatkan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan atau pertubuhan dalam masyarakat untuk menghayati kehidupan masyarakat sebenar. Sebagai contoh, melibatkan diri pelajar dengan persatuan penulis dalam pembelajaran. Guru dapat membawa aktiviti persatuan penulis ke sekolah, terutama dalam aktiviti kokurikulum. Aktiviti ini dapat memberikan pengalaman baharu dan menggunakan pengetahuan sedia ada untuk membangkitkan minat dan mengembangkan bakat dalam penulisan. Melalui kegiatan ini pelajar akan didedahkan dengan kegiatan penulisan yang relevan dengan kemahiran menulis yang dipelajari di sekolah.

Tatabahasa yang sering menjadi fokus sampingan dalam pengajaran juga boleh diterapkan secara pendekatan kontekstual. Bidang kerjaya editor dan penterjemah sebagai contoh memerlukan kemahiran berbahasa dan tatabahasa. Bidang ini secara langsung memerlukan penguasaan kemahiran tatabahasa.

Pelajar sudah mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan dengan kesalahan bahasa dari segi morfologi dan sintaksis, serta bahasa rancu. Selain itu, pelajar dapat mengetahui ciri karangan yang baik. Pengetahuan dan pengalaman asas ini dikembangkan dengan aktiviti menanda kertas karangan yang mengandungi kesalahan penggunaan bahasa, seperti kesalahan ejaan, penggunaan kata yang kurang tepat dan kesalahan ayat. Selain itu, aktiviti menanda kertas karangan yang mempunyai struktur karangan yang kurang kemas. Sebagai contohnya, karangan yang tidak menggunakan perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup yang jelas. Aktiviti ini antara kemahiran yang diperlukan oleh seseorang editor untuk memantapkan bahan terbitan bermutu sebelum dihidangkan kepada masyarakat pembaca.

Ternyata, pendekatan kontekstual ini menjadi nilai tambah kepada pembelajaran konvensional yang memberikan pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi peperiksaan. Setiap hasil kerja pelajar dalam bentuk amali serta pencapaian menguasai kemahiran amat diperlukan dalam bidang pekerjaan. Sementara pembelajaran konvensional perlu menguasai fakta untuk ditulis dalam peperiksaan. Fakta itu sesetengahnya tidak dapat dikaitkan dengan pekerjaan dan amalan kehidupan harian. **PB**